

## **8 & 9 Mei 2023 | Lawatan kerja ke Kompleks Falak Al-Khawarizmi di Tanjung Bidara, Melaka**

Seksyen Geodetik, Bahagian Ukur & Pemetaan, INSTUN telah mengadakan lawatan kerja ke Kompleks Falak Al-Khawarizmi di Tanjung Bidara, Melaka pada 8 dan 9 Mei 2023. Lawatan kerja ini diketuai oleh Ketua Program Ukur Geodetik, Sr Fauzani bt. Azam bersama lima (5) orang pegawai Seksyen Geodetik.

Lawatan kerja telah dimulakan dengan sesi cerapan langit malam yang telah dibimbing oleh En. Nor Nazmi bin Razali, Pegawai Sains yang mengetuai operasi Falak di Balai Cerap Al-Khawarizmi. Beliau telah memberikan taklimat mengenai cerapan langit malam termasuk aktiviti cerapan hilal khususnya hilal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah yang dijalankan di balai cerap tersebut.

Pada 9 Mei 2023, pegawai-pegawai Seksyen Geodetik INSTUN telah berpeluang untuk melawat Planetarium Al-Khawarizmi dan telah diberikan taklimat pengoperasian dan melihat infrastruktur yang terdapat di Kompleks Falak Al-Khawarizmi. Seterusnya telah diadakan perbincangan dua hala bersama S.S. Tuan Haji Hazaruddin bin Hj. Baharuddin, Timbalan Mufti Negeri Melaka dan Ustazah Nor Hashimah binti Embong, Ketua Bahagian Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri Melaka bersama pegawai-pegawai Jabatan Mufti Negeri Melaka yang lain.

Lawatan kerja ini telah memberikan pendedahan dan informasi yang amat berguna kepada para pegawai Seksyen Geodetik INSTUN yang bakal menguruskan pentadbiran dan pengendalian balai cerap baru di INSTUN yang kini sedang dalam fasa akhir pembinaannya. Pihak Seksyen Geodetik juga telah dapat mempelajari dan melihat sendiri kecekapan pengurusan dan keunikan yang ada di Kompleks Falak Al-Khawarizmi yang begitu komited dalam memajukan bidang ilmu falak dan astronomi bukan sahaja di Negeri Melaka dan Malaysia tetapi juga di persada antarabangsa.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih daripada Seksyen Geodetik, Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN kepada Jabatan Mufti Negeri Melaka dan pengurusan Kompleks Falak Al-Khawarizmi yang telah sudi mengundang dan berkongsi ilmu pengetahuan dalam bidang falak dan astronomi di samping layanan istimewa yang telah diberikan kepada kami. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang. Insya ALLAH.





